
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2006/2007

April 2007

**HIU 225 – PENDIDIKAN NILAI-NILAI MURNI DARI PERSPEKTIF
ISLAM**

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi LIMA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan sahaja. DUA soalan dari bahagian A dan DUA soalan dari bahagian B.

Bahagian A

1. Maksud firman Allah:

“Telah berlaku kerosakan di darat dan laut dengan sebab apa yang telah dilakukan oleh tangan-tangan manusia kerana Allah hendak merasakan mereka sebahagian dari apa yang telah mereka lakukan supaya mereka kembali”. [al-Rum:41]

[a] Huraikan kaitan maksud firman Allah di atas dengan masalah akhlak manusia. [30 markah]

[b] Manusia adalah khalifah Allah S.W.T. yang bertanggungjawab membangunkan bumi ini sejajar dengan kehendak Islam. Terangkan bentuk sesuatu pembangunan yang dikehendaki dalam Islam. [30 markah]

[c] Huraikan EMPAT cara untuk melahirkan individu yang bertanggungjawab terhadap diri sendiri, agama dan masyarakat [40 markah]

2. Al-Qur'an mengandungi pelbagai istilah yang berkaitan dengan akhlak. Huraikan SEMUA istilah di bawah:

[a] *birr* [25 markah]

[b] *jihad* [25 markah]

[c] *al-amr bi al-makruf wa al-nahy 'an al-munkar* [25 markah]

[d] *fitrah* [25 markah]

3. Maksud hadith:

“*Sebaik-baik perkara ialah yang sederhana*” (Riwayat Ahmad)

- [a] Berdasarkan hadith di atas, huraikan TIGA kepentingan konsep kesederhanaan (*wasatiyyah*) dalam proses pembangunan insan.

[30 markah]

- [b] Huraikan masalah ekstrimisme dalam agama dan berikan DUA cadangan untuk menanganinya berdasarkan perspektif Islam.

[30 markah]

- [c] Jelaskan definisi *al-'aql* serta bincangkan peranannya dalam membentuk konsep kesederhanaan (*wasatiyyah*).

[40 markah]

Bahagian B

4. Islam menganjurkan *mujahadah al-nafs* dan *muhasabah al-nafs* untuk mendidik serta mengawal nafsu yang sering mendorong seseorang kepada melakukan perkara-perkara yang merosakkan individu dan masyarakat.

- [a] Sebutkan rukun-rukun *mujahadah* dan bincangkan setiap satunya.

[40 markah]

- [b] Jelaskan implikasi *mujahadah al-nafs* terhadap pembangunan jiwa dan akhlak manusia.

[20 markah]

- [c] Huraikan konsep *muhasabah al-nafs*, cara-cara dan kepentingannya.
[30 markah]
- [d] Nyatakan definisi akhlak dan ciri-cirinya.
[10 markah]
5. [a] Terangkan bagaimana setiap daripada amalan solat dan zakat menepati matlamat hubungan manusia dengan Allah dan hubungan manusia sesama manusia.
[20 markah]
- [b] Huraikan bagaimana peranan empat ibadah khusus dalam mensucikan jiwa manusia dan melahirkan sifat-sifat mahmudah.
[40 markah]
- [c] Huraikan bentuk-bentuk taklif Ilahi yang perlu dilaksanakan dalam proses *tazkiyah al-nafs*.
[40 markah]
6. [a] Al-Qur'an dan al-sunnah adalah sumber-sumber yang sahih bagi penghayatan nilai-nilai murni. Huraikan kenyataan ini.
[25 markah]
- [b] Huraikan hubungan antara aqidah tauhid dan kerohanian Islam serta kesan mengimani sifat-sifat Allah kepada peribadi seorang muslim.
[25 markah]
- [c] Huraikan bagaimana peranan dan hubungan aspek kerohanian dalam menyempurnakan fungsi ilmu fiqh.
[25 markah]

[d] Terangkan pengertian nilai-nilai murni yang disenaraikan dan peranannya dalam pembangunan syakhshiah dan akhlak manusia:

- [i] Adil.
- [ii] Sabar.
- [iii] Sederhana.
- [iv] Amanah.
- [v] Toleransi.

[25 markah]